



RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN

**KAJIAN INFRA-MARA-
KAJIAN IMPAK KEMAHIRAN PASTRI DAN JAHITAN
KEPADA BELIA LUAR BANDAR**

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilaya**

RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN :**KAJIAN INFRA-MARA -
KAJIAN IMPAK KEMAHIRAN PASTRI DAN JAHITAN AGENSI KKLW
KEPADA BELIA LUAR BANDAR**

PENGENALAN

Kajian ini dijalankan secara dalaman dengan kerjasama berpasukan dari INFRA, MARA serta GIATMARA, KEMAS, KEDA, KESEDAR dan KEJORA. Kajian dilaksanakan secara berpasukan berdasarkan keputusan Mesyuarat JKIK Bil.2/2015 pada 28 Mei 2015 dan disiapkan pada tahun 2016. Laporan akhir kajian telah dibentangkan dan diterima oleh Jawatankuasa Induk Kajian KKLW (JKIK) Bil. 2/2016 pada 23 Ogos 2016.

METOD KAJIAN

Kajian dijalankan dengan kaedah survei (tinjauan) dengan menggunakan soal selidik kajian secara kuantitatif. Kajian juga diperkukuhkan dengan kaedah Kualitatif. Instrumen kajian merangkumi dua skala pengukuran yang utama iaitu (i) Skala Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Impak Latihan Kemahiran dan (ii) Skala Impak Kemahiran Kepada Peserta Latihan. Skala pertama mengukur faktor-faktor berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran, Prasarana Latihan dan Perkhidmatan Sokongan manakala skala kedua mengukur faktor-faktor berkaitan Pendapatan, Nilai Kebolehpasaran, Peluang Kerjaya, Sikap Kepada Keusahawanan dan Ekonomi. Seramai 935 responden telah di soal selidik yang dipilih secara persampelan rawak. Responden ini merujuk kepada peserta latihan kemahiran jahitan dan pastri anjuran MARA (561), KEMAS (49), KEDA (213), KEJORA (49) dan KESEDAR (63).

SKOP DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi impak latihan kemahiran pastri dan jahitan. Skop ini mengkaji sejauh manakah tahap faktor pengaruh kepada impak latihan kepada kemahiran peserta. Kajian juga melihat keberkesanan latihan kemahiran kepada pendapatan, nilai kebolehpasaran, peluang kerjaya dan sikap terhadap keusahawanan. Skop kajian turut melibatkan kajian berkaitan faktor pengajaran dan pembelajaran, faktor prasarana latihan dan faktor


perkhidmatan sokongan latihan. Antara penemuan hasil kajian adalah seperti berikut.

1. Kajian mendapati aspek pendapatan, nilai kebolehpasaran, peluang kerjaya, sikap terhadap keusahawanan dan impak ekonomi mempunyai impak yang tinggi terhadap peserta latihan kemahiran iaitu di antara 75.8% - 89.8% seperti Jadual 2 dan Graf 1.

Jadual 2 : Impak Kemahiran Kepada Peserta Latihan

| Impak Latihan Kemahiran | Tahap Skor | | |
|--------------------------------------|--------------|----------------|----------------|
| | Rendah | Sederhana | Tinggi |
| i. Faktor pendapatan | 1.3% (12) | 22.6% (211) | 76.1% (712) |
| ii. Faktor nilai kebolehpasaran | 0.5% (5) | 14.5% (136) | 84.9% (794) |
| iii. Faktor peluang kerjaya | 0.1% (1) | 11.6% (108) | 88.3% (826) |
| iv. Faktor sikap kepada keusahawanan | 0.1% (1) | 10.1% (94) | 89.8% (840) |
| v. Faktor ekonomi | 1.1% (10) | 23.1% (216) | 75.8% (709) |

Graf 1: Impak Kemahiran Kepada Peserta Latihan



2. Tiga faktor yang boleh memberi impak latihan kemahiran jahitan dan pastri ialah faktor pengajaran dan pembelajaran, prasarana latihan dan perkhidmatan sokongan seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Faktor-Faktor Mempengaruhi Impak Latihan Kemahiran

| Faktor Mempengaruhi Latihan Kemahiran | Tahap Skor | | |
|---------------------------------------|-------------|----------------|----------------|
| | Rendah | Sederhana | Tinggi |
| i. Faktor pengajaran dan pembelajaran | 0 | 7.4% (69) | 92.6% (866) |
| ii. Faktor prasarana latihan | 0.2% (2) | 8.7% (81) | 91.1% (852) |
| iii. Faktor perkhidmatan sokongan | 0.4% (4) | 71.9% (672) | 27.7% (259) |

3. Unsur-unsur keberkesanan yang menyumbang skor tahap tinggi kepada faktor pengajaran dan pembelajaran ialah:
- i. Latihan yang bermanfaat
 - ii. Kecukupan masa
 - iii. Kaedah pengajaran difahami
 - iv. Peluang menggunakan peralatan latihan (praktikal)
 - v. Motivasi dan sokongan tenaga pengajar
 - vi. Kepakaran tenaga pengajar
 - vii. Mesra pelatih
4. Unsur-unsur yang menyumbang skor tahap tinggi bagi faktor prasarana latihan
- i. Kecukupan peralatan dan bahan latihan
 - ii. Peralatan berfungsi dengan baik
 - iii. Ciri-ciri keselamatan yang baik
 - iv. Kesesuaian premis latihan
 - v. Ruang pembelajaran kondusif
5. Unsur-unsur keberkesanan pada skor tahap sederhana bagi faktor perkhidmatan sokongan

- i. Sejauh mana peluang program sokongan selepas kursus
 - ii. Khidmat nasihat institusi latihan
 - iii. Pemantauan institusi latihan
6. Kajian mendapati 68.4% (639) peserta latihan kemahiran dalam kalangan belia luar bandar dapat bekerja dalam bidang kemahiran dipelajari.
7. Bagi mereka yang bekerja dalam bidang kemahiran dipelajari kajian mendapati kebanyakan responden (49.1%) memperoleh purata pendapatan antara RM501-RM1,000 sebagai penambahan pendapatan.
8. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan sebahagian besar peserta latihan kemahiran jahitan dan kemahiran pastri didominasi oleh belia wanita (96.9%) berbanding belia lelaki (3.1%).
9. Sebahagian besar mereka 80.7% berkelulusan pendidikan sekolah menengah peringkat PMR dan SPM manakala peserta dalam kalangan yang mempunyai Diploma dan STPM adalah seramai 13.3%.
10. Kajian juga mendapati penyertaan belia yang mempunyai Ijazah masih rendah iaitu 0.4%.
11. Dari segi umur belia sebahagian besar peserta latihan kemahiran ini berumur 21 hingga 25 tahun iaitu 63.8%. Ini menunjukkan belia luar bandar yang paling banyak mengikuti latihan pastri dan jahitan anjuran agensi KKLW ialah peringkat umur yang melepasi pendidikan sekolah menengah dan tinggi atau kolej.
12. Jangka masa latihan kemahiran yang dikaji mempunyai tempoh yang berbeza antara agensi dan tahap kemahiran. Ini melibatkan latihan kemahiran jangka pendek dan jangka panjang iaitu kurang lima hari (12.8%), enam bulan (70.3%) dan melebihi enam bulan (16.8%).

13. Kajian mendapati sebahagian besar belia luar bandar lebih menyertai latihan jangka panjang berbanding jangka pendek dan juga lebih ramai menyertai kemahiran jahitan (92.0%) berbanding kemahiran pastri (8%).
14. Dapatan secara kualitatif turut menyokong penemuan kajian impak ini dimana mendapati tiga impak utama latihan kemahiran jahitan dan pastri iaitu (i) menyediakan tenaga mahir dan separuh mahir; (ii) melahirkan usahawan jahitan dan pastri; (iii) meningkatkan status sosio ekonomi. Justeru, ini menunjukkan peserta bersikap positif terhadap program latihan kemahiran tersebut yang dapat mencapai ketiga-tiga aspek berkenaan.
15. Hasil kajian menunjukkan kesemua institusi latihan agensi KKLW yang dikaji mempunyai faktor-faktor yang memberi impak kepada latihan kemahiran iaitu faktor pengajaran dan pembelajaran, prasarana latihan dalam mempengaruhi impak latihan kemahiran jahitan dan pastri.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini mendapati latihan kemahiran jahitan dan pastri adalah relevan dan menepati keperluan peserta dalam kalangan belia luar bandar. Bidang jahitan dan pastri berpotensi untuk dimajukan sebagai sektor ekonomi luar bandar yang boleh dikomersilkan dan mencapai tahap industri. Latihan kemahiran ini boleh menyediakan tenaga mahir atau separuh mahir dalam bidang jahitan dan pastri. Kajian juga menunjukkan kemahiran ini mampu melahirkan usahawan dalam bidang berkenaan. Ini juga menunjukkan bidang ini berupaya menjana pendapatan dan seterusnya meningkatkan status sosio ekonomi masyarakat.

Hasil kajian telah mencadangkan perkara-perkara berikut yang perlu diberi perhatian oleh kementerian dan agensi-agensi yang melaksanakan latihan kemahiran jahitan dan pastri tersebut. Antara cadangan seperti berikut.

- i. Penerusan latihan kemahiran jahitan dan pastri
- ii. Peluasan liputan dan kandungan latihan
- iii. Peningkatan latihan ke peringkat industri
- iv. Kepakaran tenaga pengajar
- v. Keutamaan pengambilan pelatih

- vi. Bantuan laluan kemajuan perniagaan
- vii. Perancangan pembangunan keusahawanan belia luar bandar
- viii. Kreativiti dan inovasi melalui penyelidikan

PENUTUP

Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pengurusan kementerian, agensi dan jabatan KKLW khususnya institusi latihan bagi meningkatkan lagi keberkesanan latihan kemahiran jahitan dan pastri kepada masyarakat terutama kepada belia-belia luar bandar. Kajian membuktikan kemahiran jahitan dan pastri adalah latihan kemahiran agensi/jabatan KKLW yang dapat membangunkan sektor ekonomi luar bandar. Bidang kemahiran ini berjaya memberi impak yang berfaedah dari segi sosio ekonomi kepada peserta latihan kemahiran khususnya kepada belia-belia luar bandar.

©2017. Ringkasan oleh Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Institut Kemajuan Desa (INFRA) dengan izin Jawatankuasa Induk Kajian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (JKIK)